

Pujian Prabowo bukti reformasi birokrasi Kerajaan MADANI berhasil

● Apabila seorang Presiden sebuah negara sebesar Indonesia menjadikan Malaysia sebagai contoh kecekapan birokrasi, ia sebenarnya satu bentuk pengiktirafan antarabangsa terhadap keberkesanan sistem pentadbiran Malaysia

● Keupayaan Malaysia memproses pelbagai bentuk kelulusan dalam tempoh lebih singkat menunjukkan wujud budaya kerja yang lebih tersusun, pengalaman pentadbiran matang dan koordinasi antara agensi lebih berkesan

Oleh Prof Dr Halimah Abdul Manaf
bhrencana@bh.com.my



Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Dalam ucapan di Rapat Paripurna Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) berhubung Kerangka Ekonomi Makro dan Pokok-Pokok Kebijakan Fiskal (KEM-PPKF) Rancangan Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara (RAPBN) 2027 pada 20 Mei lalu, Presiden Indonesia, Prabowo Subianto, secara terbuka meluahkan rasa kecewa terhadap kerenah birokrasi dan lambatnya proses perlesenan usaha di Indonesia sambil menjadikan Malaysia sebagai contoh negara lebih cekap.

Antara petikan penting ucapan beliau ialah: "Pemerintah harus perbaiki semua institusi kita supaya ada iklim usaha yang baik. Jangan pengusaha diperas terus. Jangan pengusaha diganggu. Kalau Malaysia bisa bikin izin dalam dua minggu, kenapa kita dua tahun. Memalukan!"

Prabowo turut menambah: "Memalukan! Dan kita jangan banyak inisiatif, sudah perintah presiden, menteri, di bawah bikin lagi dia. Diolah lagi. Peraturan menteri lah, peraturan teknikal, rekomendasikan. Akal-akalnya itu."

Menariknya, kenyataan ini bukan sekadar satu kritikan dalaman terhadap sistem pentadbiran Indonesia semata-mata. Sebaliknya, ia juga membawa maksud sangat besar kepada Malaysia kerana buat kali pertama secara terbuka seorang Presiden Indonesia mengangkat Malaysia sebagai contoh negara lebih cekap dari sudut proses kelulusan dan pengurusan birokrasi.

Apabila seorang Presiden sebuah negara sebesar Indonesia menjadikan Malaysia sebagai contoh kecekapan birokrasi, ia sebenarnya satu bentuk pengiktirafan antarabangsa terhadap keberkesanan sistem pentadbiran Malaysia.

Dalam konteks Asia Tenggara, pengakuan seperti ini amat signifikan kerana Indonesia menjadi ekonomi terbesar di rantau ini dengan jumlah penduduk melebihi 280 juta orang. Apabila Presiden Indonesia sendiri mengakui Malaysia mampu menyelesaikan proses kelulusan permit dalam tempoh sekitar dua minggu sedangkan Indonesia mengambil masa sehingga dua tahun, ia menunjukkan Malaysia kini dilihat sebagai model pentadbiran lebih efisien dan mesra pelaburan.

Lebih penting, pujian ini datang pada waktu Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sedang giat melaksanakan pelbagai reformasi institusi dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Hakikatnya, keupayaan Malaysia mempercepatkan urusan pelaburan dan permit bukan datang sendiri, tetapi ia hasil daripada pendekatan reformasi dibawa Kerajaan MADANI sejak mengambil alih pentadbiran negara pada akhir 2022.

Malah sejak awal pentadbirannya, Anwar secara konsisten menegaskan budaya birokrasi yang lambat, terlalu banyak prosedur dan menyusahkan rakyat mesti dihapuskan. Ketika lawatan beliau ke New York sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) Ke-78 pada September 2023, beliau secara terbuka melahirkan rasa kecewa terhadap kelewatan kelulusan

dalam beberapa urusan pelaburan di Malaysia.

Pada sidang media itu, beliau menegaskan terdapat syarikat yang masih mengadu mengenai kelewatan kelulusan walaupun kerajaan sudah memberikan arahan jelas kepada agensi berkaitan.

Anwar menegaskan jika Malaysia mengambil masa terlalu lama, negara lain mampu memberikan kelulusan dalam tempoh jauh lebih singkat dan pelaburan akhirnya akan berpindah ke negara pesaing.

Atas sebab itu, kerajaan memberi penekanan kepada beberapa agenda utama seperti mempercepatkan proses kelulusan pelaburan; mengurangkan pertindihan kuasa antara agensi; memperluaskan pendigitalan perkhidmatan kerajaan; memperkukuhkan konsep pusat sehenti atau pusat sehenti; meningkatkan akauntabiliti penjawat awam dan memperbaiki koordinasi antara kementerian.

Kejayaan kerajaan atasi isu birokrasi

Kesungguhan Kerajaan MADANI dalam menangani isu kerenah birokrasi jelas terbukti, kemudian apabila ketika menghadiri Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF) di Riyadh pada April 2024 Anwar memberi jaminan kepada lebih 50 pemimpin industri dan perniagaan antarabangsa bahawa urusan pelaburan di Malaysia kini lebih mudah dan segera hasil kejayaan kerajaan menangani isu birokrasi.

Sehubungan itu, kenyataan Prabowo juga secara tidak langsung adalah satu pengiktirafan terhadap profesionalisme penjawat awam Malaysia.

Selama ini, penjawat awam sering menjadi sasaran kritikan berkaitan kelewatan proses dan

kerenah birokrasi. Namun, apabila seorang presiden negara jiran sendiri mengiktiraf kecekapan Malaysia, ia membuktikan sistem pentadbiran di negara ini sebenarnya mempunyai banyak kekuatan tersendiri.

Dalam pada itu, sudah tentu Malaysia masih mempunyai beberapa kelemahan perlu diperbaiki. Masih terdapat rungutan berkaitan prosedur lambat atau tidak seragam di sesetengah agensi. Namun begitu, secara relatifnya, Malaysia jelas berada pada kedudukan yang lebih baik berbanding dengan banyak negara lain di rantau ini.

Keupayaan Malaysia memproses pelbagai bentuk kelulusan dalam tempoh lebih singkat menunjukkan wujud budaya kerja yang lebih tersusun, pengalaman pentadbiran matang dan koordinasi antara agensi lebih berkesan.

Apa dibangkitkan Prabowo sebenarnya menunjukkan masalah birokrasi boleh menjadi ancaman besar kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Apabila proses kelulusan terlalu panjang, pelabur akan hilang keyakinan. Apabila terlalu banyak syarat teknikal dan prosedur tambahan diwujudkan di peringkat bawahan, ia membuka ruang kepada ketirisan, ketidakcekan dan potensi penyalahgunaan kuasa.

Sebab itulah Kerajaan MADANI memberi penekanan besar terhadap reformasi institusi dan tata kelola yang baik. Justeru, Anwar berkali-kali mengingatkan bahawa penjawat awam perlu menjadi pemudah cara kepada rakyat dan pelabur, bukannya penghalang kepada pembangunan ekonomi negara.

Hal ini dipermudahkan lagi oleh pelaksanaan pelarasan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) membabitkan perbelanjaan tambahan berjumlah RM18 bilion yang turut menjadi pendorong kepada peningkatan lagi kualiti perkhidmatan awam di Malaysia.

Ringkasnya, apabila Malaysia dijadikan contoh oleh Presiden Indonesia dalam aspek kecekapan perizinan dan pentadbiran, ia membuktikan bahawa reformasi yang sedang dilaksanakan Kerajaan MADANI mula membuahkan hasil yang diiktiraf di peringkat antarabangsa di mana Malaysia kini semakin dilihat sebagai antara model pentadbiran paling efisien di rantau Asia Tenggara.

“ Kerajaan memberi penekanan kepada beberapa agenda utama seperti mempercepatkan proses kelulusan pelaburan; mengurangkan pertindihan kuasa antara agensi ”

